Tarikh Berkuatkuasa: 15 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT
***AEON BANK NEKO MISSION* DENGAN PERBELANJAAN SUKAN - BAUCAR RM10 DECATHLON**

PENTING

Sila baca terma dan syarat di sini untuk *AEON Bank Neko Mission* dengan Perbelanjaan Sukan - Baucar RM10 Decathlon ("**Misi**") yang dipaparkan di Aplikasi AEON Bank dan/atau laman sesawang AEON Bank ("**Terma dan Syarat**"). Anda terikat dengan Terma dan Syarat ini melalui penyertaan anda dalam Misi ini. Dengan menyertai Misi ini, anda bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, serta sebarang terma dan syarat berkaitan yang lain.

1. Definisi

Terma	Definisi
"AEON Bank" atau "Bank"	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad.
"Akaun Simpanan-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
"Kad Debit-i AEON Bank"	Merujuk kepada kad debit patuh Syariah yang dikeluarkan oleh AEON Bank.
"*AEON Bank Neko Mission*" atau "*Neko Mission*"	Merujuk kepada kempen di mana Pelanggan boleh memperoleh *Neko Paws* untuk transaksi atau aktiviti tertentu menggunakan Aplikasi AEON Bank.
"*Neko Paw*"	Merujuk kepada pengumpulan setem yang diterima daripada transaksi yang dinyatakan dalam *Neko Mission*. *Neko Paws* dikumpulkan secara digital dan boleh ditebus untuk pelbagai ganjaran, diskaun, atau tawaran.
"Aplikasi AEON Bank"	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank.
"Ganjaran"	Merujuk kepada baucar Decathlon bernilai RM10, atau sebarang ganjaran yang diterima oleh Pelanggan yang mengikuti *Neko Mission*, dalam bentuk Mata Ganjaran AEON, e-Baucar, atau ganjaran lain yang ditentukan oleh AEON Bank dari semasa ke semasa.
"Kad Neko"	Merujuk kepada kad digital yang diterima selepas penyelesaian *Neko Mission*, mengikut Mekanik Misi yang dinyatakan di Klausa 4.
"Barangan dan perkhidmatan patuh Syariah"	Merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang boleh diterima dan selaras dengan keperluan Syariah.
"Decathlon"	Merujuk kepada Decathlon, penjual barangan sukan di Malaysia, yang diuruskan oleh Decathlon Malaysia Sdn Bhd.

"Pelanggan"	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank.

2. Kelayakan

2.1 Semua Pelanggan layak untuk menyertai semua *AEON Bank Neko Missions*, kecuali yang berikut:

(a) Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka telah ditamatkan, ditutup, digantung, delinkuen atau dijalankan dengan tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh AEON Bank dalam Tempoh Misi; dan

(b) Individu yang kurang upaya mental, telah meninggal dunia, diisytiharkan muflis atau mempunyai sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan terhadapnya.

3. Tempoh Misi

Misi akan bermula pada 15 Mei 2026 dan berakhir pada 30 November 2026, atau lebih awal, jika Ganjaran telah mencapai had, mana-mana yang terdahulu.

4. Mekanik Misi

4.1 Untuk menyertai Misi ini, Pelanggan perlu mengaktifkan penyertaan melalui Aplikasi AEON Bank. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan maklum dan bersetuju bahawa Pelanggan tidak layak menerima *Neko Paws* atau sebarang Ganjaran jika Pelanggan tidak mengaktifkan Misi terlebih dahulu.

4.2 Pelanggan perlu melengkapkan transaksi dengan Kod Kategori Pedagang (MCC) berikut menggunakan Kad Debit-i AEON Bank mereka dengan nilai minimum RM50 dalam satu transaksi untuk menerima **SATU (1)** *Neko Paw* ("**Transaksi Layak**"):

No.	Kod Kategori Pedagang	Kategori Pedagang
1.	5310	Kedai Diskaun
2.	5655	Kedai Pakaian Sukan dan Pakaian Menunggang
3.	5940	Kedai Basikal – Jualan dan Servis
4.	5561	Penjual Treler Rekreasi, Treler Utiliti dan Kelengkapan Perkhemahan
5.	7941	Sukan Komersial, Padang Olahraga, Kelab Sukan Profesional, dan Penganjur Sukan

4.3 Untuk mengelakkan keraguan, Klausa 4.2 adalah tertakluk kepada yang berikut:

(a) Pelanggan hanya akan menerima **SATU (1)** *Neko Paw* bagi setiap transaksi, tanpa mengira sama ada jumlah transaksi melebihi nilai minimum yang ditetapkan.

(b) Transaksi Layak tersebut hendaklah terdiri daripada barangan dan perkhidmatan patuh Syariah sahaja.

4.4 Pelanggan hanya layak mengumpulkan maksimum **DUA (2)** *Neko Paw* setiap hari, yang akan diberikan selepas penyelesaian transaksi tersebut, dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh transaksi.

4.5 Untuk melengkapkan Misi ini, Pelanggan perlu mengumpulkan **TIGA (3)** *Neko Paws* ("**Misi Lengkap**"), dan Pelanggan secara automatik berhak menerima **SATU (1)** Ganjaran melalui Aplikasi AEON Bank mereka setelah Misi Lengkap.

4.6 Setelah Misi Lengkap, Kad Neko ini akan diperbaharui secara automatik, dan Pelanggan boleh terus mengumpulkan lebih banyak *Neko Paw* mengikut terma dan syarat Misi ini.

4.7 Pelanggan perlu menebus Ganjaran sebelum tarikh tamat tempoh yang dinyatakan dalam Aplikasi AEON Bank. Ganjaran yang telah tamat tempoh tidak boleh ditebus atau dilanjutkan tempohnya. Kaedah penebusan berbeza mengikut setiap *Neko Mission*.

4.8 Ganjaran tidak boleh dipindahkan, ditukar, dan ditebus untuk wang tunai atau sebarang bentuk yang setara.

4.9 Ganjaran adalah terhad kepada jumlah keseluruhan bernilai RM2,000 sahaja dan ia diberikan atas dasar siapa cepat, dia dapat. Sekiranya Ganjaran telah mencapai had, Misi ini akan tamat secara automatik dan AEON Bank tidak mempunyai kewajipan lanjut untuk memberikan Ganjaran kepada Pelanggan di bawah Misi ini. AEON Bank akan memaklumkan Pelanggan mengenai penamatan awal Misi ini melalui notis di laman sesawang Bank, Aplikasi AEON Bank atau melalui apa-apa cara lain yang ditentukan oleh AEON Bank.

4.10 Penebusan Ganjaran:

(a) Ganjaran boleh ditebus di mana-mana cawangan Decathlon di Malaysia dengan mengimbas kod bar semasa daftar keluar sendiri (*self-checkout*) atau menunjukkannya kepada juruwang di kedai.

(b) Setiap kod baucar hanya boleh digunakan sekali sahaja sebelum tarikh tamat tempoh.

(c) Ganjaran tidak boleh digunakan untuk pembelian produk tidak halal atau barangan larangan lain seperti yang ditentukan oleh AEON Bank dari semasa ke semasa.

(d) Ganjaran mungkin memerlukan nilai pembelian minimum untuk penebusan.

(e) Ganjaran tidak boleh digabungkan dengan Ganjaran, promosi, diskaun, atau baucar lain kecuali dinyatakan secara jelas.

(f) Jika jumlah pembelian melebihi nilai Ganjaran, Pelanggan perlu membayar jumlah perbezaan tersebut menggunakan salah satu kaedah pembayaran yang diterima oleh Decathlon.

(g) Baucar ini hanya sah untuk digunakan di cawangan Decathlon di Malaysia sahaja.

(h) Decathlon berhak untuk menahan sebarang faedah dibawah perkhidmatan yang diberikan, dengan atau tanpa notis kepada Pelanggan, jika didapati Pelanggan telah melanggar Terma dan Syarat Pengguna Decathlon, yang boleh didapati di laman sesawang Decathlon di https://www.decathlon.my/.

5. Terma dan Syarat Am

5.1 AEON Bank berhak meminda mana-mana bahagian Terma dan Syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman sesawang Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank dan Pelanggan akan terikat dengan pindaan tersebut.

5.2 Dengan menyertai atau mengambil bahagian dalam Misi ini, Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa AEON Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang isu teknikal, kelewatan atau kesulitan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Ganjaran oleh Pelanggan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang kegagalan atau ketidakmampuan untuk menebus Ganjaran, pesanan/penghantaran yang salah atau lewat atau isu-isu lain yang serupa.

5.3 Dengan menyertai atau mengambil bahagian dalam Misi ini, Pelanggan bersetuju dan menerima sepenuhnya semua terma dan syarat yang terkandung di sini secara tanpa syarat serta bersetuju bahawa keputusan AEON Bank berkaitan dengan Misi dan semua perkara yang berkaitan dengannya adalah muktamad dan mengikat, dan sebarang pertanyaan, rayuan, atau korespondensi tidak akan dilayan.

5.4 AEON Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Misi ini atau sebarang promosi yang berkaitan dengannya pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman sesawang Bank, Aplikasi AEON Bank atau melalui apa-apa cara lain yang ditentukan oleh AEON Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, semakan, penggantungan, lanjutan atau penamatan *AEON Bank Neko Mission* ini pada bila-bila masa tidak akan memberi hak kepada Pelanggan untuk menuntut sebarang pampasan daripada AEON Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan, lanjutan, penggantungan, atau penamatan tersebut.

5.5 Jika Pelanggan didapati tidak layak atau didapati telah melakukan penipuan dalam apa jua bentuk pada bila-bila masa semasa atau selepas Misi, AEON Bank berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan kelayakan Pelanggan tersebut dan membatalkan/menarik balik/meminta semula sebarang Ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan tersebut, dan jika gagal, Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk menanggung rugi AEON Bank bagi nilai dan kos Ganjaran tersebut. AEON Bank juga berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang dianggap perlu terhadap Pelanggan tersebut.

5.6 AEON Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, secara langsung atau tidak langsung, kerosakan sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) bagi mana-mana pihak bagaimana sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berkaitan dengan *Neko Mission* ini.

5.7 Dengan menyertai *AEON Bank Neko Mission* ini, Pelanggan bersetuju dengan Notis Privasi AEON Bank di mana Pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses, dan digunakan oleh AEON Bank.

5.8 Dengan menyertai *AEON Bank Neko Mission* ini, Pelanggan bersetuju bahawa AEON Bank tidak akan bertanggungjawab jika AEON Bank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada kewajipan di sini yang boleh dikenakan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan

elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, wabak atau sebarang bencana alam yang berada di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor yang berkaitan dengan *force majeure* yang berada di luar kawalan AEON Bank secara munasabah.

5.9 AEON Bank dan pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank untuk tujuan *AEON Bank Neko Mission*) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari *AEON Bank Neko Mission*, kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku yang disengajakan oleh AEON Bank berkaitan dengan *AEON Bank Neko Mission* ini secara khusus.

5.10 Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan hendaklah menanggung semua kos, perbelanjaan, fi, dan/atau caj yang berkaitan dengan atau timbul daripada penyertaan, penerimaan, penebusan, dan/atau penggunaan dalam *AEON Bank Neko Mission*.

5.11 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Misi ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

5.12 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan Misi ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

5.13 Terma dan Syarat ini mungkin juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekaburan atau perbezaan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, versi Terma dan Syarat Bahasa Inggeris akan terpakai.